



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 4 APRIL 2019**

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan** yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan **Kementerian Kewangan Malaysia** seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	PERIHAL PENDAFTARAN SYARIKAT	CATATAN
SH/ SUKNS/ BIL.16/ 2019	Perkhidmatan Menyediakan Dan Membekalkan Jamuan Sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Bagi Persidangan Pertama (Perasmian), Kedua Dan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua DUN Ke-14.	<u>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</u> i) Makanan Bermasak Islam/ Katering <u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u> i) Makanan Bermasak Islam/ Katering (Kod - 040103)	* Borang Sebut Harga akan dijual bermula pada: Tarikh: 5 April 2019 (Jumaat) Masa: 10.00 pagi Tempat: Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban. Harga: RM50.00

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **5-11 April 2019** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor/ Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika berkenaan)** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen Sebut Harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 11 April 2019 (Khamis)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.